

30/12/2001

MCA tetap calon BN pertahan Indera Kayangan Sabtu

KANGAR: MCA berkemungkinan besar akan menetapkan calon Barisan Nasional bagi mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Indera Kayangan, Sabtu depan.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata penetapan itu akan dilakukan selepas beliau mengadakan mesyuarat khas dengan pemimpin MCA Pusat dan negeri di sini, malam Jumaat depan.

Bagaimanapun, Dr Ling yang enggan membayangkan calon terbabit, berkata beliau memperolehi janji daripada pemimpin MCA Perlis untuk menyokong sesiapa saja yang dipilih bagi mempertahankan kerusi BN.

"Saya akan mengetuai barisan pemimpin MCA Pusat untuk datang sekali lagi ke sini Jumaat depan. Kami akan mengadakan mesyuarat pada malam itu.

"Mungkin calon ditetapkan sehari selepas itu," katanya ketika berucap dalam majlis pertemuan dengan jentera pilihan raya MCA di Bilik Gerakan MCA Indera Kayangan, di sini semalam.

Beliau diiringi Timbalan Pengarah Pilihanraya Indera Kayangan, Datuk Radzi Syeikh Ahmad.

Sementara itu, Radzi berkata, beliau menjangka pilihan raya Indera Kayangan akan diadakan pada 19 Januari ini, berikutan cuti Sabtu minggu ketiga pada hari terbabit.

Terdahulu, dalam sidang akhbar sejurus selepas bertemu Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kasim, di Dewan Residensi Menteri Besar di sini, Dr Ling berkata, beliau akan mengemukakan senarai nama empat calon kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam tempoh terdekat ini.

(END)